



TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA SEMAKAN SISTEM (JKSS) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 PENGENALAN

Jawatankuasa Semakan Sistem (JKSS) merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat PTMK. JKSS berperanan untuk membincangkan dan menyelaraskan berkenaan pembangunan serta penambahbaikan sistem maklumat UMP. Selain itu, penubuhan JKSS juga merupakan medium komunikasi antara pembangun sistem dan pemilik sistem.

2.0 KEAHLIAN

a) Pengerusi

Pengarah PTMK

b) Ahli

- i. Timbalan Pengarah, PTMK
- ii. Penolong Pengarah Infrastruktur, PTMK
- iii. Penolong Pengarah Infostruktur, PTMK
- iv. Ketua Bahagian Sistem Maklumat Korporat, PTMK
- v. Ketua Bahagian Sistem Maklumat Akademik & Pelajar, PTMK
- vi. Ketua Bahagian Pengurusan Data, PTMK
- vii. Ketua Unit Sistem Pelajar, PTMK
- viii. Ketua Unit Sistem Pasca-Siswazah, PTMK
- ix. Ketua Unit Sistem Pra-Siswazah, PTMK
- x. Ketua Unit E-Pembelajaran, PTMK
- xi. Ketua Unit Sistem Sumber Manusia, PTMK
- xii. Ketua Unit Sistem Kewangan, PTMK
- xiii. Ketua Unit Sistem Sokongan PTJ, PTMK
- xiv. Wakil Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti
- xv. Wakil Pejabat Naib Canselor

c) Sekretariat

- i. Ketua Unit Penyelidikan Teknologi & Governan ICT PTMK
- ii. Wakil Bahagian Pentadbiran PTMK



Pengerusi berhak melantik sesiapa sahaja sebagai keahlian dalam jawatankuasa mengikut keperluan.

Korum bagi mesyuarat JKSS adalah sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli jawatankuasa termasuk pengerusi mesyuarat.

Sekiranya ahli mesyuarat tidak dapat hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan, ahli yang berkenaan perlu menghantar wakil.

3.0 ATURCARA

Pengerusi boleh melantik di kalangan mana-mana ahli jawatankuasa untuk menjalankan fungsi sebagai Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi kerana atas sebab tertentu

4.0 KEKERAPAN MESYUARAT

Sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.

5.0 BIDANG TUGAS

- i. Menilai, merancang, menyemak, menetapkan keutamaan dan meluluskan permohonan bagi kerja-kerja pembangunan dan penambahbaikan terhadap sistem aplikasi di setiap PTJ.
- ii. Memantau kemajuan kerja-kerja pembangunan dan penambahbaikan sistem secara berkala.
- iii. Mengenalpasti pembangunan strategik dan bidang keutamaan dalam pembangunan (*priority level*);
- iv. Memberikan khidmat nasihat bagi pembangunan dan penambahbaikan sistem secara khidmat sumber luaran (*outsourcing*).
- v. Menyediakan aliran proses yang jelas dan boleh dirujuk apabila diperlukan;
- vi. Memastikan sistem sentiasa dikemaskini mengikut keperluan pengguna dan semasa;

STRUKTUR JAWATANKUASA SEMAKAN SISTEM (JKSS)

